

# Duit raya umpama sedekah

## ■ Didik anak gunakan rezeki diperoleh untuk beramal

Oleh Mohd Shahrizal Nasir

**S**emacam menjadi satu kebiasaan di Malaysia apabila hari raya diraih sampai berhari-hari. Malah, suasannya dirasai hampir sebulan penuh. Kita penuhu Syawal dengan amalan menziarahi saudara, sahabat dan jiran tetangga.

Dalam suasana itu, kita turut menghulurkan duit raya kepada kanak-kanak. Ia satu budaya mulia, namun memberi duit raya ini bukannya secara spesifik menjadi syariat ditetapkan Islam.

Ada satu perkara yang perlu menjadi perhatian semua khususnya ibu bapa iaitu sangat baik apabila kita dapat memberi nasihat kepada anak agar memahami konsep duit raya itu.

Ia hanyalah satu bonus ketika berkunjung ke rumah orang, bukannya satu ke mestian. Walaupun kita perlu meraih keseronokan anak, nasihatkan mereka agar tidak terlalu mengharapkan duit raya.

Ada kalanya anak siap dibekalkan dengan 'beg besar' yang dibawa ke hulu ke hilir untuk mengisi duit raya sehingga ada yang datang berhari raya hanya mendapat duit raya.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengajak pembaca untuk membuat satu anjakan paradigm dalam hal duit raya ini agar anak kita tidak dididik menjadi insan yang terlalu obses terhadap orang lain.

Sememangnya amalan bersedekah adalah amalan sangat mulia di sisi Islam. Oleh itu, sempena Syawal ini, ambillah peluang untuk

ngat ringkas tetapi tidak ramai yang mencubanya.

Hal ini kita lakukan demi menyemai sifat pemurah pada diri anak. Kita nyatakan kepada mereka bahawa duit yang kita miliki bukan semuanya untuk kita. Sebaliknya, ada hak orang lain yang perlu kita berikan.

Ibu bapa juga perlu kerap berkongsi dengan anak khususnya pada Syawal ini kelebihan bersedekah. Kita semai sifat pemurah dalam diri anak agar mereka kelak tidak menjadi hamba kepada duit dan harta.

Banyak kelebihan sedekah yang boleh kita kongsikan antaranya:

- Sedekah dapat menghapuskan dosa.

Sabda Rasulullah SAW mafhumnya: "Sedekah dapat menghapuskan dosa sebagai gairana air memadamkan api." (Riwayat at-Tirmidzi)

- Allah mengurnikan keberkatan kepada harta disebabkan amalan sedekah.

Keberkatan harta boleh difahami dengan maksud harta yang kita miliki akan sentiasa cukup untuk kita gunakan meskipun jumlahnya tidaklah sehingga melimpah-ruah.

Sabda Rasulullah SAW mafhumnya: "Harta tidak akan berkurang dengan sedekah. Dan seorang hamba yang pemaaf pasti akan Allah tambahkan kewibawaan baginya." (Riwayat Muslim)

- Pahala orang yang ber-

sedekah akan digandakan oleh Allah.

Firman-Nya bermaksud: "Sesungguhnya orang yang bersedekah baik lelaki maupun perempuan dan me-jaminjam kepada Allah pinjaman yang baik, nescaya akan dilipat gandakan (ganjarannya) kepada mereka dan bagi mereka pahala yang banyak." (Surah al-Hadid, ayat 18)

- Sedekah dapat membaskan diri daripada sek-saan kubur.

Rasulullah SAW bersabda mafhumnya: "Sedekah akan memadamkan api seksaan di dalam kubur." (Riwayat at-Tabrani)

Kongsikan kelebihan ini dengan anak agar mereka te-

ruja dengan ganjaran dise-diakan Allah. Jiwa anak sangat bersih. Jika diberi di-dikan baik seperti diajarkan Islam, pasti mereka mem-besar dalam keadaan baik.

Ibnu Rajab dalam kitab *La-ta'if al-Ma'rif* menyebut: "Nabi SAW mempunyai sifat paling suka menderma dan bagi mereka pahala yang banyak. Begitu juga Baginda mempunyai kemuliaan, berilmu, berani dan lebih sempurna dalam sifat mulia, sedangkan sifat dermawan Baginda mencakupi seluruh sifat dermawan baik dalam ilmu maupun harta."

**Penulis ialah pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin**



KANAK-KANAK gembira menerima duit raya. - Gambar hiasan